

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KOTA BHARU

DI DALAM NEGERI KELANTAN, MALAYSIA

RAYUAN SIVIL NO : DA-12B-18-07/2022

- 1. MUHAMMAD RUSHDAN SYAFIQ BIN RUSLAN**
- 2. ZURAIDA BINTI DZULKAFLY ... PERAYU-PERAYU**

DAN

MUHAMMAD IBNUL QAYYUM BIN

MOHD WAJIHAN ... RESPONDEN

DAN

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KOTA BHARU

DI DALAM NEGERI KELANTAN, MALAYSIA

RAYUAN SIVIL NO : DA-12B-28-07/2022

MUHAMMAD IBNUL QAYYUM BIN

MOHD WAJIHAN ... PERAYU

DAN

- 1. MUHAMMAD RUSHDAN SYAFIQ BIN RUSLAN**
- 2. ZURAIDA BINTI DZULKAFLY ... RESPONDEN**



ALASAN PENGHAKIMAN

Pendahuluan

- [1] Kes ini melibatkan rayuan ke atas keputusan Tuan Hakim Mahkamah Sesyen (Tuan HMS) bagi satu tuntutan tort kemalangan. Terdapat dua rayuan di dalam kes. Rayuan pertama adalah bagi kes DA-12B-18-07/2022 oleh Defendan ke atas liabiliti dan sebahagian dari kuantum. Manakala rayuan kedua iaitu di dalam kes DA-12B-28-07/2022 oleh Plaintiff bagi sebahagian lagi kuantum. Bagi maksud penghakiman ini, kedua-dua pihak akan dirujuk sebagaimana pihak mereka di Mahkamah Sesyen.
- [2] Secara amnya Tuan HMS telah memutuskan liabiliti bagi kes ini adalah 100% ke atas Perayu dan telah memerintah ganti rugi yang layak diterima.
- [3] Terdapat dua versi berbeza berkaitan bagaimana kemalangan berlaku. Versi Plaintiff adalah kereta yang dipandu oleh Defendan 1 telah memasuki jalan bertentangan dan bertembung dengan motorsikal yang ditunggangi oleh Plaintiff manakala versi Defendan adalah menyatakan sebaliknya. Menurut Defendan 1, motorsikal yang ditunggangi oleh Plaintifflah yang telah memasuki laluan Defendan 1 yang menyebabkan kemalangan.



Rayuan ke atas liabiliti

[4] Defendan menghujahkan bahawa Tuan HMS adalah terkhilaf apabila menerima versi Plaintiff. Paksi hujahan Defendan adalah Tuan HMS adalah melakukan kekhilafan kerana menerima versi Plaintiff sedangkan kredibiliti versi ini adalah meragukan di atas alasan berikut:

- a) versi Plaintiff tidak disokong oleh keterangan senyap;
- b) keterangan Plaintiff meragukan;
- c) Plaintiff semasa kemalangan adalah di dalam pengaruh air ketum; dan
- d) Kelewatan membuat laporan polis.

[5] Tuan HMS di dalam penghakimannya telah menerima versi Plaintiff mengatasi versi Defendan sebagai versi yang lebih berkemungkinan (*probable*).

[6] Mahkamah berpandangan bahawa hujahan peguam Defendan bahawa tiada bukti senyap di dalam dapatan Tuan HMS adalah tersasar kerana berdasarkan kepada alasan penghakiman Tuan HMS ianya telah menimbangkan keterangan-keterangan berikut:

- a) kerosakan yang dialami oleh kedua-dua kenderaan;
- b) kecederaan yang dialami Plaintiff;



- c) saiz jalan di tempat kejadian; dan
- d) titik impak (*point of impact*) sepertimana yang dinyatakan oleh Plaintiff.

- [7] Ini sekaligus menunjukkan bahawa Tuan HMS telah membuat penelitian ke atas bukti-bukti senyap. Kerosakan-kerosakan pada kereta Defendan 1 jelas menunjukkan bahawa keretanya telah masuk ke laluan Plaintiff. Ini kerana tiada langsung kerosakan pada bahagian hadapan kereta untuk menyokong versi Defendan.
- [8] Di samping itu, keluasan jalan di laluan Responden adalah 5.7 meter yang menunjukkan ianya luas dan tidak munasabah untuk Plaintiff tiba-tiba masuk ke laluan Defendan. Sebaliknya, laluan Defendan adalah lebih sempit iaitu 3.8 meter dan lebih munasabah untuk kereta Defendan tiba-tiba masuk ke laluan sah Plaintiff semasa melepasi atau melalui bonggol di atas jalan tersebut.
- [9] Sehubungan itu, Mahkamah tidak mendapati sebarang kekhilafan Tuan HMS di dalam pendekatan ini.
- [10] Berkaitan keterangan Plaintiff yang diujahkan sebagai meragukan, Mahkamah tidak mendapati sebarang rujukan oleh peguam Defendan bagi menunjukkan keterangannya adalah tidak konsisten. Cabaran Peguam Defendan adalah lebih terarah kepada isu (c) iaitu kononnya Plaintiff di dalam pengaruh air ketum.



[11] Bagi Mahkamah perkara ini telah diulas oleh Tuan HMS dan Mahkamah bersetuju:

- a) tiada sebarang bukti bahawa Plaintiff sedang berada di bawah pengaruh air ketum semasa kemalangan berlaku sepertimana yang dinyatakan di dalam laporan perubatan Plaintiff;
- b) Tuan HMS telah mengambil kira keterangan yang diberikan oleh SP2 dan SP3 selaku Pegawai Perubatan;
- c) keterangan SP2 dan SP3 jelas bahawa semasa menerima SP1 untuk dirawat pada hari kemalangan, SP1 bukan berada dibawah pengaruh ketum. Tiada sample darah atau urine diambil dan diuji untuk mengesahkan perkara tersebut; dan
- d) di dalam laporan perubatan terdapat maklumat sejarah diambil secara lisan SP1 dengan tahap kesedaran GCS 13/15.

[12] Di samping itu perkara ini tidak pernah diplidkan di dalam Pembelaan Defendan. Berdasarkan kes **Ranjit Kaur A/P Gopal Singh v Hotel Excelsior (M) Sdn Bhd [2009] 5 MLJ 770** Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa Mahkamah tidak boleh memutuskan di atas isu yang tidak diplidkan.

[13] Oleh itu isu ini turut tidak bermerit.

[14] Berkaitan kelewatan membuat laporan polis, ianya telah dijelaskan oleh Plaintiff di dalam keterangannya seperti berikut:



“S: Boleh jelaskan kelewatan membuat laporan polis selama lebih kurang dua bulan lebih dari tarikh kemalangan?”

J: Kerana saya mengalami kecederaan yang teruk dan tidak dapat ke balai membuat laporan polis lebih awal.”

- [15] Mahkamah menerima penjelasan ini sebagai munasabah dan oleh itu memutuskan bahawa itu ini juga tidak bermerit.
- [16] Secara kesimpulannya, bagi rayuan ke atas liabiliti, Mahkamah berpendirian bahawa ianya tidak bermerit dan sehubungan itu rayuan Defendan ke atas liabiliti adalah ditolak.

Rayuan ke atas kuantum

(Ganti rugi am)

i. crush injury of right foot at metatarsophalangeal joint

- [17] Rayuan pertama berkaitan kuantum adalah ke atas “crush injury of right foot at metatarsophalangeal joint” di mana Tuan HMS telah mengawardkan sejumlah RM40,000.00. Defendan merayu agar ianya dikurangkan kepada RM25,000.00 di atas alasan Revised Compendium of Personal Injury Awards bertarikh 6/7/2018 bagi “amputations of all toes” adalah di antara RM21,500.00 ke RM36,500.00.



- [18] Plaintiff turut merayu keputusan Tuan HMS dengan memohon ianya dinaikkan ke RM60,000.00.
- [19] Mahkamah berpandangan bahawa kecederaan Plaintiff adalah kepatahan pada keseluruhan jari dan separuh kaki dan oleh itu rujukan Tuan HMS ke atas kes **Mohd Akiar bin Ismail v Chan Chiao Hwa [2011] 1 PIR 30** adalah tidak tersasar. Ia mungkin dihujahkan oleh Plaintiff tersasar kerana kecederaan Plaintiff adalah lebih serius. Namun Mahkamah berpandangan bahawa Tuan HMS telah mengambilkira kesemua aspek termasuk kecederaan yang teruk, kehilangan kesemua jari dan kecederaan kekal.
- [20] Oleh itu, Mahkamah memutuskan bahawa award ini adalah sewajarnya dikekalkan.

ii. soft tissue injury

- [21] Rayuan kedua adalah berkaitan “soft tissue injury” di mana Tuan HMS telah mengawardkan sebanyak RM 3,000.00. Defendan merayu dengan menghujahkan bahawa ianya bertindan dengan award “abrasion” dan “laceration”.
- [22] Tuan HMS di dalam penghakimannya menyatakan award ini perlu diberikan secara berasingan kerana ia dinyatakan secara berasingan di dalam Laporan Perubatan Plaintiff.
- [23] Mahkamah mendapati bahawa dapatan Tuan HMS ini adalah tidak terkhilaf kerana tiada sebarang keterangan dari mana-mana doktor



bahawa kecederaan ini bukan kecederaan yang berasingan berbanding abrasion dan laceration. Tiada sebarang pemeriksaan balas oleh Defendan untuk menyoal balas kesemua doktor-doktor yang hadir memberi keterangan di Mahkamah.

- [24] Sehubungan dengan itu, rayuan Defendan bagi award ke atas kecederaan ini adalah ditolak.

iii. traumatic mild brain/head injury with cerebral concussion

- [25] Rayuan selanjutnya adalah oleh Plaintiff ke atas “traumatic mild brain/head injury with cerebral concussion” di mana Tuan HMS membenarkan award sebanyak RM30,000.00. Tuan HMS mengambilkira laporan pakar Plaintiff yang mengesahkan Plaintiff adalah seorang yang disabled dan disahkan mengalami “mild cognitive impairment”. Bagi Tuan HMS, Plaintiff mengalami kesan sampingan (residual) yang teruk, berpanjangan dan menjejaskan kehidupan Plaintiff.

- [26] Peguam Plaintiff bagaimanapun merujuk kepada dua kes iaitu **Mohanraj a/l Sandran & anor v Michael al Vincent [2015] 2 PIR [43]** di mana Mahkamah telah mengawardkan sebanyak RM100,000.00 bagi moderate traumatic injury dan kes **Nor Akmal bin Jamil (seorang kanak-kanak di bawah umur yang membawa tuntutan melalui wakil litigasinya, Jamil bin Din) v Muhammad Faiz bin Isa & anor [2016] 1 PIR [55]** di mana Mahkamah mengawardkan RM120,000.00 bagi moderately severe head injury.



- [27] Bagi Mahkamah kedua-dua kes ini adalah berbeza dengan kes semasa. Ini kerana bagi kes semasa, ia melibatkan “mild cognitive impairment” berbanding “moderate injury” yang dialami di dalam kedua-dua kes tersebut.
- [28] Oleh itu, Mahkamah merumuskan Tuan HMS tidak terkhilaf apabila mengawardkan ganti rugi yang lebih rendah. Oleh itu rayuan Plaintiff bagi kecederaan ini ditolak.

iv. permanent post traumatic loss of olfaction of both nostrils

- [29] Selanjutnya Plaintiff merayu berkaitan “permanent post traumatic loss of olfaction of both nostrils” di mana Tuan HMS telah mengawardkan sejumlah RM 30,000.00. Tuan HMS telah mengambilkira kedua-dua laporan yang dikemukakan oleh Plaintiff dan Defendan serta merujuk kepada kes **Lee Eng Kiang (seorang budak yang mendakwa melalui ibu dan wakil litigasinya, Toh Yeok Jong) v Kumareshannath a/l Dorasamy and anor [2015] 1 PIR 65**.
- [30] Mahkamah mendapati bahawa berdasarkan kepada kedua-dua laporan pakar, ia menunjukkan bahawa Plaintiff mengalami kehilangan deria menghidu (loss of smell) sedangkan kes **Lee Eng Kiang** hanya di dalam situasi reduced sense of smell.
- [31] Bagi kehilangan deria menghidu, kes **Shah Efendy bin Ahmad v Zainal bin Abdullah [2011] 1 PIR [25]** dan **Norhelmy bin Ahmad**



v Dildar Khan & anor [2015] 2 PIR [62] yang telah mengawardkan di antara RM38,000.00 ke RM40,000.00.

- [32] Walaubagaimanapun, Mahkamah berpandangan bahawa Tuan HMS telah menimbang cadangan RM40,000.00 yang dicadangkan oleh Plaintiff serta cadangan RM25,000.00 yang dicadangkan oleh Defendan. Tindakan Tuan HMS memilih jumlah RM30,000.00 bagi pandangan Mahkamah ini adalah adil dan munasabah.

v. loss of taste

- [33] Plaintiff selanjutnya merayu award sebanyak RM18,000.00 bagi “loss of taste”. Bagi Plaintiff, Tuan HMS tidak menunjukkan penilaian yang sewajarnya di dalam penghakimannya. Bagi Plaintiff, dengan merujuk kepada kes **Norhelmy bin Ahmad v Dildar Khan & anor [2015] 2 PIR [62]** jumlah yang wajar adalah RM25,000.00.

- [34] Mahkamah bagaimanapun berpandangan bahawa walaupun penghakiman Tuan HMS adalah agak ringkas namun kecederaan Plaintiff adalah berbeza dengan kes yang dirujuk oleh peguam Plaintiff. Mahkamah merujuk kepada kes **Juliah Samsuri v Kamarajn Suburamaniam [2018] 1 LNS 1747** dan berpandangan kehilangan deria rasa dan bau adalah berkait. Oleh itu, jumlah award sebanyak RM10,000.00 adalah munasabah.

- [35] Oleh itu, rayuan ini adalah ditolak.



vi. Pain and suffering

[36] Bagi tuntutan Plaintiff untuk “pain and suffering”, Tuan HMS telah menolaknya di atas alasan ianya telah dirangkumkan di dalam award bagi kecederaan yang telah diberikan. Bagi Tuan HMS, award “pain and suffering” hanya wajar diberikan sekiranya Plaintiff menjalani pembedahan di masa hadapan yang mana ianya tidak dibuktikan.

[37] Peguam Plaintiff sebaliknya menghujahkan bahawa ianya boleh diberikan secara berasingan sepertimana di dalam kes **Siti Puyoh v Rashidah Salam [2014] 5 CLJ 104**.

[38] Mahkamah berpandangan bahawa pendekatan Tuan HMS adalah tidak terkhilaf. Plaintiff tidak sepatutnya dibenarkan untuk mendapat tuntutan berganda. Tuan HMS telah menyatakan bahawa award yang telah diberikan bagi setiap kecederaan meliputi “pain and suffering”. Oleh itu jika tuntutan ini dibenarkan, ia bermakna Plaintiff telah dibenarkan untuk membuat tuntutan berganda di atas kecederaan yang sama.

[39] Oleh itu, rayuan bagi tuntutan ini adalah ditolak.

vii. Loss of earning capacity

[40] Tuan HMS telah menolak tuntutan “loss of earning capacity” walaupun Tuan HMS membenarkan tuntutan “loss of actual earnings”. Alasan Tuan HMS adalah kerana Tuan HMS mendapati



bahawa Plaintiff telah bekerja semula di Awina Pet Shop iaitu sebuah kedai makanan haiwan. Selain itu, Tuan HMS turut mendapati bahawa Plaintiff juga membantu isterinya menjalankan perniagaan secara atas talian.

- [41] Berkaitan perbezaan antara “loss of future earnings” dan “loss of earning capacity”, Mahkamah Persekutuan di dalam kes **Ngooi Ku Siong & anor v Aidi Abdullah [1985] 1 MLJ 30** seperti berikut;

“There is also a difference between loss of future earnings and loss of earning capacity although both items are under general damages. Future loss of earnings or loss of prospective earnings are awarded for real assessable loss ie, loss that is capable of assessment at the date of the trial. It must be proved by evidence and not by mere speculation. In the absence of such evidence if the Court is satisfied that the plaintiff has suffered a loss of earning capacity, he will be awarded a sum as part of the general damages for his disability suffered as a result of the injuries sustained, instead of compensation for loss of future earnings. It arises where there is a residual risk that the plaintiff might be thrown out of work altogether at some future date. The risk must be real and not speculative or fanciful. Any loss of money is relevant, whether the money is properly described as "earnings" or not, provided that the money is more than a "mere possible contingency." Thus loss of possible contract as opposed to loss of probable contract is not recoverable. (See *Kemp and Kemp on the Quantum of Damages*, 4th Edn. Vol. 1, on pp. 122 and 123). Generally both items need not be specifically



pleaded as in the case of special damages but averred in general terms in the pleadings.”

[42] Manakala Mahkamah Rayuan di dalam kes **Sumarni v Yow Bing Kwong & Anor [2007] 1 LNS 353** telah merujuk keputusan kes **Ngooi Ku Siong (supra)** dan menyatakan berkenaan memenuhi elemen-elemen seksyen 28A Akta 67 apabila menyatakan seperti berikut;

“[10] For loss of future earnings, it is a post-trial loss. It was decided by the Federal Court in Ngooi Ku Siong & Anor. v. Aidi Abdullah [1984] 2 CLJ 163; [1984] 1 CLJ (Rep) 294 that “Future loss of earnings or loss of prospective earnings are awarded for real assessable loss ie, loss that is capable of assessment at the date of the trial. It must be proved by evidence and not by mere speculation...there must be evidence of a real and substantial loss which must not be remote and speculative”.

[11] This aside, this court’s decision in Looi Gnan Peng v. Bay Tong Hai [2005] 1 CLJ 685, demands that all “elements’ in s. 28A of the Act should be proved. We expressed it in this form:

With respect we are of the view that the years purchase is only one aspect of s. 28A in relation to claim for loss of future earnings. One of the other elements is that ‘damages for such loss shall not be awarded unless it is



proved or admitted that the plaintiff was in good health but for the injury’.

On perusal of the evidence adduced we are in agreement with learned counsel for the respondent that none of the witnesses called by the appellant including the appellant herself testified on her overall health condition. No doubt in the medical reports it was stated that her general condition was satisfactory or good. But that could only refer to her condition after the accident and not on her overall health. A simple question to the medical doctors called as witnesses on her overall health condition could have resolved the doubt. Since that was not done we are of the view that one element required for a successful claim remained unproved.”

- [43] Dengan kata yang lain, bagi Plaintiff untuk memperolehi tuntutan ini, Plaintiff perlu membuktikan dengan tuntas kewujudan kerugian yang nyata dan besar yang tidak bersifat spekulatif.
- [44] Di dalam kes ini, Tuan HMS telah membuat dapatan fakta bahawa Plaintiff sememangnya bekerja walaupun majikan Plaintiff tidak dipanggil sebagai saksi, tiada slip gaji dikemukakan, tiada penyata KWSP dan SOCSO dikemukakan. Tuan HMS telah memutuskan di dalam keterangan-keterangan yang dikemukakan gaji Plaintiff adalah pada kadar gaji minima sebanyak RM1,200.00.



- [45] Dapatan Tuan HMS berkaitan pekerjaan Plaintiff dan gajinya tidak dirayu oleh Defendan manakala Plaintiff hanya merayu berkaitan pemotongan RM600.00 bagi jumlah pendapatan tersebut oleh Tuan HMS. Oleh itu, Mahkamah di peringkat ini berpandangan bahawa Mahkamah adalah selamat untuk memutuskan bahawa Plaintiff adalah bekerja dengan pendapatan sebanyak RM1,200.00.
- [46] Di dalam masa yang sama, Mahkamah mendapati bahawa tiada keterangan selain keterangan Plaintiff dan SP4 iaitu Penghulu yang menyatakan bahawa Plaintiff bekerja sebagai pengimpal besi di Petronas.
- [47] Walaubagaimanapun di dalam kes ini Plaintiff turut dibuktikan telah bekerja walaupun bukan sebagai Pengimpal besi di Petronas dan tidak dinyatakan pendapatannya. Persoalannya sama ada keterangan ini memadai bagi Plaintiff menuntut “loss of earning capacity”.
- [48] Di dalam kes **Moeliker v A Reyrolle and Co Ltd [1977] 1 All ER 9** Mahkamah UK ada menyatakan;

“No mathematical calculation is possible in assessing and quantifying the risk in damages. If, however, the risk of the plaintiff losing his existing job, or of his being unable to obtain another job, or an equally good job, or both are only slight, a low award measured in hundreds of pounds will be appropriate.”



[49] Berpandukan kepada pandangan ini, Mahkamah memutuskan bahawa Plaintiff walaupun tidak lagi berkeupayaan bekerja sebagai pengimpal besi, namun Plaintiff masih boleh mendapat pekerjaan dan menerima pendapatan. Oleh itu, Plaintiff bagi pandangan mahkamah tidak berjaya memenuhi keperluan minima bagi melayakkan Plaintiff untuk diawardkan tuntutan ini.

[50] Sehubungan itu, rayuan ini adalah diputuskan sebagai tidak bermerit.

(Ganti rugi khas)

i. Kehilangan pendapatan

[51] Sepertimana yang telah diulas di atas, Tuan HMS telah memutuskan bahawa kadar gaji minima RM1,200.00 sebagai pengimpal besi. Dapatan Tuan HMS ini dibuat hanya bersandarkan kepada keterangan Plaintiff dan Penghulu iaitu SP4. Jumlah RM1,200.00 sebagai gaji Plaintiff tidak dirayu oleh Plaintiff namun yang menjadi isu yang dibangkitkan oleh peguam Plaintiff adalah jumlah ini adalah gaji bersih dan tindakan Tuan HMS memotong RM600.00 adalah satu kekhilafan.

[52] Mahkamah mendapati bahawa dakwaan Plaintiff bahawa jumlah pendapatannya mencecah RM5,000.00 sehingga RM6,000.00 adalah lansung tidak dibuktikan. Oleh itu, hujahan peguam Plaintiff bahawa jumlah RM1,200.00 tersebut adalah merupakan gaji



bersih adalah satu dakwaan yang tidak disokong oleh sebarang keterangan.

[53] Oleh itu, Mahkamah tidak mendapati sebarang kekhilafan oleh Tuan HMS bagi isu ini.

ii. Kos pembelian “complete set of semi-custom made high-definition silicon footwear

[54] Tuan HMS telah membenarkan tuntutan ini dengan mengawardkan sebanyak RM247,000.00 berdasarkan kepada sebutharga yang dikemukakan oleh Defendan. Jumlah award ini dirayu oleh Plaintiff yang menegaskan bahawa sebutharga Plaintiff perlu diterima berjumlah RM344,500.00 manakala Defendan merayu dengan mengatakan tuntutan ini tidak sepatutnya dibenarkan.

[55] Asas bantahan Plaintiff adalah perkara ini tidak pernah dibantah atau dihujahkan oleh Defendan dan oleh itu sewajarnya Tuan HMS menerima sebutharga yang dikemukakan oleh Plaintiff.

[56] Perkara ini telah diulas oleh Tuan HMS yang menyatakan bahawa walaupun Defendan tidak menghujahkan berkaitan perkara ini, namun Plaintiff juga tidak menyatakan justifikasi kenapa sebutharga Plaintiff yang lebih tinggi perlu diambil oleh Mahkamah dan tiada cadangan dari Plaintiff cadangan Plaintiff adalah lebih berkualiti.



- [57] Bagi Defendan pula, tuntutan ini perlu ditolak kerana tiada keterangan bahawa Plaintiff memerlukannya. Ini kerana setelah 3 tahun, Plaintiff masih memakai kasut biasa dan Plaintiff telah boleh memandu.
- [58] Perkara ini turut diulas oleh Tuan HMS di mana di dalam alasannya Tuan HMS menyatakan Plaintiff telah mengesahkan keperluan memakai kasut khas ini tapi masih belum membelinya kerana masih belum mendapat duit pampasan insurans. Lebih penting, peguam Defendan langsung tidak menghujahkan berkaitan isi kandungan sebutharga ini.
- [59] Sehubungan itu, Mahkamah berpandangan bahawa tiada kekhilafan oleh Tuan HMS bagi award ini dan rayuan bagi isu ini adalah ditolak.

Kesimpulan

- [60] Secara keseluruhannya, mahkamah menolak kesemua rayuan dan memerintahkan tiada perintah berkaitan kos berkaitan rayuan ini.



Bertarikh : 12hb. Februari, 2024



(DATUK MOHAMAD ABAZAFREE BIN MOHD ABBAS)

Hakim

Mahkamah Tinggi Malaya



S/N r1TMAE8PJEiKcxUqowA26g

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

Pihak-Pihak:

Bagi Pihak Perayu/ Responden : Norlizan dan Aiman
Tetuan V.P Nathan & Partners
Lot 2502
Tingkat Satu, Taman Kenangan
15200 Kota Bharu
Kelantan

Bagi Pihak Responden/ Perayu : Noor Azizah bt. Abdullah
Tetuan Azhar & Fazuny
No. F-3, Lot 478 Seksyen 14
Jalan Bayam
15200 Kota Bharu
Kelantan

Tarikh Bicara : 24hb. Julai, 2023

Tarikh Keputusan : 24hb. Julai, 2023



S/N r1TMAE8PJEiKcxUqowA26g

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

Kes-Kes Yang Dirujuk:

- Ranjit Kaur A/P Gopal Singh v Hotel Excelsior (M) Sdn Bhd [2009] 5 MLJ 770
- Mohd Akiar bin Ismail v Chan Chiao Hwa [2011] 1 PIR 30
- Mohanraj a/l Sandran & anor v Michael al Vincent [2015] 2 PIR [43]
- Nor Akmal bin Jamil (seorang kanak-kanak di bawah umur yang membawa tuntutan melalui wakil litigasinya, Jamil bin Din) v Muhammad Faiz bin Isa & anor [2016] 1 PIR [55]
- Lee Eng Kiang (seorang budak yang mendakwa melalui ibu dan wakil litigasinya, Toh Yeok Jong) v Kumareshannath a/l Dorasamy and anor [2015] 1 PIR 65
- Shah Efendy bin Ahmad v Zainal bin Abdullah [2011] 1 PIR [25]
- Norhelmy bin Ahmad v Dildar Khan & anor [2015] 2 PIR [62]
- Juliah Samsuri v Kamarajn Suburamaniam [2018] 1 LNS 1747
- Siti Puyoh v Rashidah Salam [2014] 5 CLJ 104
- Ngooi Ku Siong & anor v Aidi Abdullah [1985] 1 MLJ 30
- Sumarni v Yow Bing Kwong & Anor [2007] 1 LNS 353
- Moeliker v A Reyrolle and Co Ltd [1977] 1 All ER 9

